

MAHATHIR-AMARAN

1980

11

KUALA LUMPUR, 21 APRIL (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI AMARAN KERAJAAN TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN TEGAS TERHADAP MANA-MANA MAJIKAN YANG MENGAMBIL KESEMPATAN DARI PEKERJA MEREKA DI BAWAH PINDAAN UNDANG-UNDANG BURUH.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN, KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBIARKAN SEBARANG TINDAKAN PIHAK MAJIKAN YANG MUNGKIN MENGANGGAP PINDAAN-PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG BURUH BARU-BARU INI M MENGUNTINGKAN MEREKA.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMERITA DEMIKIAN DI LAPANGAN TERBANG TUDM DI SINI SEBELUM BERLEPAS KE SINGAPURA KERANA MENGHADIRI PERSIDANGAN MENTERI-MENTERI EKONOMI ASEAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MENYATAKAN, PIHAK MAJIKAN HENDAKLAH SENTIASA MEMBERI LAYANAN YANG ADIL KEPADA PEKERJA MASING-MASING.

KERAJAAN, KATANYA, AKAN BERTINDAK TERHADAP MAJIKAN YANG TIDAK BERSIKAP ADIL ATAU ENGGAN MENGIKUT LUNAS UNDANG-UNDANG BERHUBUNG DENGAN HAK PEKERJA SEPERTI MERUNDINGKAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN. — BERSAMBUNG 1919/LK

B616:

MAHATHIR-AMARAN 2 KUALA LUMPUR

+KAMI MENGHARAPKAN KEAMANAN PERUSAHAAN DI NEGARA INI DAN INI TERMAKSUD HUPUNGAN DUA HALA -- KERJASAMA DARI PIHAK MAJIKAN DAN JUGA GOLONGAN PEKERJA, + UJARNYA.

TAMBAH BELIAU, DALAM HUPUNGAN INI KERAJAAN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN KE ATAS SESIAPA SAHAJA YANG DIDAPATI TIDAK ADIL TERHADAP MANA-MANA PIHAK.

+INI ADALAH SATU AMARAN DARI KERAJAAN DAN KAMI TIDAK AKAN MEMBIARKAN SEBARANG TINDAKAN YANG TIDAK ADIL OLEH SESIAPA PUN.

+KAMI MENGANGGAP DIRI KAMI SEBAGAI PENJAGA KEADILAN DI DALAM MASYARAKAT DAN KAMI MENERIMA TANGGUNGJAWAB INI DENGAN SERIUS.

+SAYA BERHARAP TIDAK SEORANG PUN AKAN BERKATA KEMUDIAN BAHAWA IA TELAH TIDAK DIBERI AMARAN TERLEBIH DAHULU, + KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR. — BERSAMBUNG 1921/LK

B617:

### MAHATHIR-AMARAN 3 KUALA LUMPUR

SEMENTARA ITU, MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT, DATUK RICHARD HO BERKATA KERAJAAN MENYEDARI KERESAHAN BARU-BARU INI KONONNYA DENGAN KELULUSAN PINDAAN-PINDAAN ITU, SETENGAH-SETENGAH MAJIKAN MUNGKIN AKAN MENGAMBIL KESEMPATAN DARI PINDAAN-PINDAAN ITU UNTUK MENINDAS PEKERJA MEREKA.

+TIDAK ADA SEBARANG PERUNTUKAN PUN DALAM PINDAAN ITU YANG BOLEH MEMBIARKAN PENYELEWENGAN SEUMPAMA ITU BERLAKU ATAU MELINDUNGI PERBUATAN DEMIKIAN JIKA IA BERLAKU, + KATANYA DALAM SATU KENYATAAN.

BELIAU PERCAYA PARA MAJIKAN TIDAK AKAN PERSIKAP TIDAK PEDULI SEHINGGA MENGHINA UNDANG-UNDANG TERSEBUT DAN PEKERJA MEREKA SECARA DEMIKIAN.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN AKAN TERUS PERWASPADA DAN MEMBETULKAN KEADAAN APAPILA PERLU SEPERTI YANG DILAKUKANNYA DI MASA LALU.

MENYENTUH PEMBATALAN TINDAKAN PERPIKET OLEH MTUC DI SELURUH NEGARA YANG DIJADUALKAN HARI INI, BELIAU TERKATA KERAJAAN MENSIFATKAN KEPUTUSAN KONGRES ITU SEBAGAI LANGKAH YANG DIALU-ALUKAN. --  
BERSAMBUNG 1925/LK

### MAHATHIR-AMARAN 4 KUALA LUMPUR

+KAMI, DAN SAYA YAKIN RAKYAT JUGA GEMBIRA BAHAWA KEWARASAN DAPA MENGATASI EMOSI DAN GEMBIRA BAHAWA KONGRES ITU AKAN TERUS MEMAINKAN PERANANNYA YANG WAJAR DEMI KEPENTINGAN RAMAI DAN NEGARA, + KATANYA.

DATUK HO MENGINGATKAN PIHAK-PIHAK YANG TIDAK PUAS HATI DENGAN PINDAAN-PINDAAN ITU SUPAYA MENERIMA HAKIKAT BAHAWA PINDAAN-PINDAAN TERSEBUT TELAH PUN DILULUSKAN OLEH PARLIMEN YANG DIPILIH SECARA DEMOKRATIK OLEH RAKYAT.

BELIAU MENGULANGI SERUAN DATUK HUSSEIN ONN KEPADA MTUC SEMASA DIALOGNYA DENGAN KONGRES ITU SUPAYA PINDAAN-PINDAAN ITU DIBERI PELUANG UNTUK DIUJI KEMAKULANNYA.

+JIKA DALAM JANGKA PELAKSANAANNYA DIDAPATI PINDAAN-PINDAAN ITU PINCANG, TIDAK ADIL ATAU KEJAM, KERAJAAN AKAN BERSEDIA UNTUK MENKAJINYA SEMULA, + KATANYA. -- BERNAMA 1930/LK